

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Kerajaan laksana MSPO, kembang pasaran sawit ▶ MUKA 4

Dua teknologi MPOB raih pingat emas ITEX 2019 ▶ MUKA 8



Teresa mengadakan pertemuan dengan Dr Cosmin Boiangiu di Brussels, Belgium.



Malaysia pertahan industri sawit di EU

→ Misi beri penerangan pembangunan industri sawit mampan Malaysia

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

► **Brussels, Belgium**

Malaysia terus mempertahankan dan menjamin keseimbangan pembangunan industri sawit dengan pemeliharaan alam sekitar untuk menangani perubahan iklim serta pemanasan global.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok menyatakan demikian ketika mengetuai Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke negara Kesatuan Eropah (EU), termasuk United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali serta Vatican City dari 4 hingga 13 Mei 2019.

Malaysia menyampaikan bantahan terhadap, Delegated Regulation EU yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Eropah (European Commission) pada 13 Mac

2019 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Romania selaku Presiden Majlis Kesatuan Eropah.

Mesyuarat dua hala juga diadakan dengan negara anggota EU dan perjumpaan dengan pegawai utama dalam pentadbiran di Holy See.

Delegasi Malaysia memberi penerangan dan pemahaman mengenai pembangunan mampan industri sawit termasuk Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dilaksanakan secara mandatori menjelang 31 Disember 2019 serta usaha pemuliharaan hutan hujan tropika, kepelbagaian bio dan tanah gambut di Malaysia.

Jamin keseimbangan
Inisiatif baharu Kerajaan dalam usaha menjamin keseimbangan pembangunan industri sawit dengan pemeliharaan alam sekitar untuk menangani perubahan iklim dan pemanasan global juga

dikongsi dengan pihak EU.

Misi turut disertai, Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) Kementerian Industri Utama (MPI), Ravi Muthayah, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Chew Jit Seng.

Di samping itu, Pesuruhjaya Malaysia di London, Duta Besar Malaysia di Brussels, Berlin, Rom dan The Holy See turut menyertai delegasi menteri di negara masing-masing.

Teresa turut berkongsi keputusan terkini Kerajaan Malaysia untuk menetapkan had maksimum kawasan tanaman sawit, melarang pembukaan kawasan

hutan rizab tetap dan hutan paya untuk tanaman sawit serta memetakan kawasan tanaman sawit sebagai langkah memenuhi prinsip ketelusan.

Projek tanaman pokok spesis hutan yang sedang giat dilaksanakan turut ditekankan.

Ulangi komitmen

Teresa juga mengulangi komitmen Malaysia dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan di bawah litupan hutan dan menekankan bahawa sepanjang tempoh 1992 hingga 2017, kadar penyahhutan di Malaysia adalah 0.1% sahaja.

Ketika mesyuarat bersama Dr Cosmin Boiangiu, Timbalan Wakil Tetap Romania ke EU yang diadakan di Brussels, delegasi Malaysia dimaklumkan bahawa 'Delegated Regulation' akan diluluskan memandangkan tiada bantahan diterima daripada negara anggota EU

dan Parlimen Eropah.

Dr Boiangiu memaklumkan bahawa sokongan daripada sekurang-kurangnya 16 negara anggota EU yang mewakili 65% jumlah penduduk layak diambil kira sebagai majoriti untuk sebarang bantahan.

Oleh itu, Malaysia disarankan untuk menumpukan perhatian kepada kajian semula Delegated Regulation dan meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan mampan industri sawit.

Beliau juga mencadangkan mesyuarat berkala diadakan antara negara pengeluar minyak sawit dengan Presiden Majlis Kesatuan Eropah yang akan bertukar setiap enam bulan.

Tempoh Romania sebagai Presiden akan tamat pada Jun 2019 dan diambil alih oleh Finland dari Julai hingga Disember 2019 dan diikuti oleh Croatia dari Januari hingga Jun 2020.

Malaysia memperjuangkan sawit agar terus diterima di pasaran global. Malaysia memberi jaminan, pembangunan industri sawit akan diseimbangkan dengan pemeliharaan alam sekitar yang sekali gus membantu menangani perubahan iklim berikutan pemanasan global.

Bagi mengekalkan kelestarian industri sawit, Kerajaan melalui Kementerian Industri Utama (MPI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta agensi berkaitan dan pihak industri terus berusaha ke arah merealisasikan penanaman sawit mampan secara keseluruhan.

Pada masa ini, usaha dipergiat oleh Kerajaan dan pemain industri bagi melaksana Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang merangkumi keseluruhan rantaian industri termasuk pekebun kecil sawit. Pensijilan MSPO akan dilaksanakan secara mandatori menjelang 1 Januari 2020.

Pensijilan MSPO adalah langkah strategik ke arah usaha pemuliharaan hutan hujan tropika, kepelbagaian biodiversiti dan tanah gambut Malaysia.

Malah kerajaan turut menetapkan had maksimum kawasan tanaman sawit, melarang pembukaan kawasan hutan rizab tetap dan hutan paya untuk tanaman sawit serta memetakan kawasan tanaman sawit sebagai langkah memenuhi prinsip kemampanan. Kerajaan juga sedang giat melaksanakan projek tanaman pokok spesies hutan untuk menggalakkan pemeliharaan hutan.

Pelaksanaan penggunaan biodiesel sawit

Pensijilan MSPO yang dilaksana juga bagi memastikan kualiti dan keselamatan minyak dan produk sawit untuk pengguna terus terjamin dan diterima di peringkat antarabangsa.

Kesinambungan kelestarian industri sawit turut diterjemah melalui pelaksanaan penggunaan biodiesel sawit B10 dalam sektor pengangkutan yang bermula Februari lalu dan biodiesel B7 untuk seluruh sektor industri pada Julai 2019 kelak.

Penggunaan biodiesel sawit akan menyumbang kepada pengurangan gas rumah hijau dan mengurangkan jejak karbon. Program biodiesel akan mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dengan penggunaan tenaga mesra alam.

Melalui penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti biodiesel sawit, Malaysia dapat memainkan peranan dalam pembangunan industri sawit mampan.

Dalam konteks keselamatan minyak sawit sebagai bahan makanan, Kerajaan memberi tumpuan khusus dalam isu terkini berkaitan kandungan 3-monochloropropanediol ester (3-MCPDE) dan glycidyl ester (GE) dalam minyak sawit.

Kerjasama tingkat amalan pemrosesan minyak sawit

Kandungan 3-MCPDE dan GE dalam minyak sawit yang ditapis dipercayai berpunca daripada proses selepas tuai dan fasa pemrosesan minyak sawit. Kajian MPOB juga mendapati minyak sawit tertapis mempunyai unsur pelopor yang boleh menerbitkan 3-MCPDE dan GE.

Justeru, penggiat industri terutama penanam sawit, pengilang dan penapis hendaklah bekerjasama meningkatkan amalan pemrosesan minyak sawit untuk memenuhi standard kualiti yang dikehendaki pengguna dan pengimport.

Komitmen tinggi semua pihak akan dapat mengatasi isu kontaminasi pemrosesan spesifik seperti 3-MCPDE dan GE, sekali gus kualiti serta keselamatan minyak sawit akan dipertingkatkan. Ini akan menambah keyakinan pengguna terhadap minyak sawit dan produk berasaskan sawit.

Pembangunan industri sawit mampan dan keselamatan minyak sawit sebagai bahan makanan yang terjamin akan meningkatkan imej sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

Justeru, bagi memperkukuh dan memastikan industri sawit terus berada di puncak, semua pihak terlibat harus menunjukkan komitmen yang tinggi dan memberi kerjasama sepenuhnya demi kemajuan industri sawit negara.



MINDA

Ketua Pengarah MPOB



Sebahagian penanam sawit khusyuk mendengar taklimat di Sandakan, Sabah.

Dana pinjaman mudah bantu penanam sawit

➔ Beri kemudahan, termasuk pekebun kecil di seluruh negara

Oleh **Yakup Ibrahim, Adrein Tubong dan Nor Alina Atika Useh**
yakup@mprob.gov.my

▀ **Sandakan**

Dana pinjaman mudah untuk tanam semula berjumlah RM500 juta dan input pertanian berjumlah RM50 juta dengan kadar faedah 2% setahun akan memberi kemudahan kepada penanam sawit, termasuk pekebun kecil di seluruh negara.

Menteri Industri Utama, Teresa

Kok, berkata selain itu insentif bagi pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia juga ditambah sebanyak RM100 juta.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog yang dihadiri lebih 200 penanam sawit di Sandakan, Sabah, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Elopura, Chong Ket Kiun dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Seru rakyat

Sesi dialog diadakan bertujuan, memberi penerangan dan maklumat terkini mengenai polisi kerajaan serta isu semasa industri sawit di samping perkongsian pandangan bersama penanam sawit Sabah.

Sempena program berkenaan, Teresa turut menyeru rakyat Malaysia agar mempertahankan sawit dan menjadi duta sawit, ketika pembentangan beliau berkaitan

kempen Sayangi Sawitku.

Katanya, kempen itu akan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit serta cabaran yang dihadapi oleh sawit.

“Rakyat Malaysia diseru untuk lebih menyayangi dan menghargai tanaman emas negara ini,” katanya.

Pada program berkenaan, Pengerusi Malaysia Estate Owners Association (MEOA), Joseph Tek Choon Yee turut menyampaikan pembentangan bertajuk ‘The Malaysian Palm Oil Industry: An Overview, Current Challenges and Way Forward - Our Shared Destiny’.

Pada sesi dialog, antara isu yang dibangkitkan, termasuk cukai jualan minyak sawit mentah (CPO) dikenakan oleh kerajaan Negeri Sabah, levi pekerja, gaji pekerja, pekerja buruh bukan warganegara, harga buah kelapa sawit yang rendah dan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan untuk pensijilan MSPO.



Niklas daripada,
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)



Kempen Sayangi Sawitku dilancar di Kesatuan Eropah

➔ Warganegara Malaysia di Eropah diseru jadi duta sawit

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

London

Kempen Sayangi Sawitku dilancarkan Menteri Industri Utama, Teresa Kok di Kesatuan Eropah sempena Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Kesatuan Eropah (EU) di sini, baru-baru ini.

Sempena pelancaran kempen itu, beliau menggesa warganegara Malaysia di EU untuk menjadi duta minyak sawit.

Teresa turut menyampaikan

maklumat mengenai pembangunan mampan industri sawit Malaysia, kebaikan dan kelebihan minyak sawit dari segi pemakanan, kepentingan industri sawit terhadap pembangunan sosio ekonomi negara; usaha pemuliharaan hutan hujan tropika dan kepelbagaian bio serta kempen anti minyak sawit di EU, termasuk pembangunan terkini mengenai Delegated Regulation.

Aktiviti yang dianjurkan sempena kempen Sayangi Sawitku di London oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia adalah pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, demonstrasi memasak dengan minyak sawit merah oleh ahli Malaysian Restaurant Association dan acara berbasikal Sawit FunRide.

Majlis pelancaran yang dihadiri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Datuk Mohamad Sadik Kethergany itu mendapat sambutan membara dengan warga Malaysia di London.

Sesi dialog yang diadakan juga berjaya meningkatkan keseda-

ran hadirin mengenai kebaikan pemakanan minyak sawit, terutamanya kandungan vitamin A and tokotrienol.

Sangkal tohmahan

Teresa menggesa hadirin, menyalurkan maklumat tepat dan sahih mengenai industri sawit, termasuk aspek kemampanan serta pemakanan kepada ahli keluarga dan rakan bagi menyangkal tohmahan serta dakwaan negatif tidak tepat mengenai industri sawit terutamanya di EU.

Beliau juga melepaskan peserta acara berbasikal Sawit FunRide di hadapan bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan diikuti dengan penampalan pelekat 'Love MY Palm Oil' pada kereta rasmi Suruhanjaya Tinggi Malaysia.

Sementara itu, ketika di Jerman, Teresa menghadiri majlis ramah mesra dan majlis berbuka puasa dengan Diaspora Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di Berlin. Yang turut hadir, Duta Besar Malaysia di Berlin, Datin Sarah Al



Teresa Kok melancarkan Kempen Sayangi Sawitku di Kedutaan Besar Malaysia di Rom, Itali.

Bakri Devadason.

Hadirin terdiri daripada pelajar Malaysia yang sedang mengikuti ijazah lanjutan dan rakyat Malaysia yang bekerja di Jerman.

Salurkan maklumat

Pada sesi itu, Teresa meneruskan usaha menyebarkan maklumat mengenai industri sawit dari pelbagai aspek dan menggesa pelajar untuk menjadi duta minyak sawit di EU terutamanya di Jerman.

Teresa dan delegasi turut menghadiri majlis berbuka puasa

dengan Diaspora Malaysia di Itali. Acara ini turut dihadiri oleh Duta Malaysia di Rom, Datuk Abdul Malik Melvin Castolino dan Duta Malaysia ke The Holy See, Datuk Westmoreland Palon.

Ketika di Rom, Teresa turut melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang mendapat sambutan menggalakkan.

Di samping itu, pertemuan dengan pihak industri di Itali juga diadakan untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai industri sawit negara.

Jom MSPO Pahang dekati pekebun kecil Orang Asli

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Muadzam Shah: Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) membabitkan semua sektor industri dan mampu memberi manfaat serta kesejahteraan ekonomi negara dan taraf hidup buat pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit.

Justeru, Kementerian Industri Utama dengan sokongan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) amat komited dalam memastikan penanaman sawit yang terdiri daripada pengusaha ladang dan pekebun kecil mendapat pensijilan mampan MSPO sebagai jaminan minyak sawit Malaysia diterima baik pasaran global.

Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, pelaksanaan pensijilan MSPO yang dilaksanakan kerajaan adalah langkah strategik bagi meningkatkan daya saing dan imej industri sawit negara bagi menjamin pasaran minyak sawit di luar negara.

"Tanya selari dengan keutamaan negara pengimport dan pengguna di seluruh dunia yang semakin memberi tumpuan kepada produk pertanian yang dihasilkan melalui

pengeluaran mampan dan selamat untuk pemakanan.

"Bagi meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia di luar negara dan seterusnya menjamin kestabilan harga minyak sawit, semua pihak, termasuk pekebun kecil perlu melaksanakan pengeluaran minyak sawit yang dihasilkan secara mampan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Jom MSPO Pekebun Kecil Sawit Orang Asli di sini, baru-baru ini.

Seramai 26 Orang Asli yang terdiri daripada pekebun kecil dari Daerah Bera dan Jerantut yang menepati ciri-ciri piawaian ditetapkan oleh MPOB dianugerahkan sijil MSPO sempena majlis itu.

Bantu pekebun

Kerajaan melalui MPOB dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited bagi memajukan pekebun kecil orang asli dalam penanaman sawit termasuk pensijilan MSPO bagi memastikan pengeluaran hasil sawit yang tinggi dan berkualiti.

Shamsul menambah, usaha sedang giat dilaksanakan oleh MPOB bagi meningkatkan penyertaan pekebun kecil persendirian dalam Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC).

Katanya, MPOB telah menubuhkan SPOC untuk membantu



Shamsul bersama pekebun kecil Orang Asli yang menyertai program Jom MSPO di Pahang.

pekebun kecil persendirian mendapatkan pensijilan MSPO manakala bagi pekebun kecil tersusun, bantuan disediakan melalui agensi persekutuan dan negeri masing-masing.

"Melalui SPOC, pekebun kecil akan dibantu oleh Pegawai Tunas MPOB untuk melaksanakan amalan pertanian baik dan seterusnya

melaksanakan MSPO di kebun mereka. Pelaksanaan MSPO oleh pekebun kecil akan membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil sawit yang akan memberi peningkatan pendapatan kepada pekebun kecil," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menyalurkan upacara deklarasi aku janji yang disampaikan oleh

Tok Batin dan wakil masyarakat Orang Asli Negeri Pahang sebagai tanda komited mereka dalam melaksanakan pensijilan MSPO.

Turut diadakan sempena majlis itu adalah penyampaian Skim Pinjaman Mudah Tanpa Faedah kepada dua Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM), iaitu KPSM Bera Berhad dan KPSM Maran Bhd.

Kerajaan laksana MSPO, kembang pasaran sawit

➔ Pengeluaran minyak sawit mampan tingkat daya saing industri sawit negara

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad

watie@mopob.gov.my

Port Dickson

Kementerian Industri Utama (MPI) melaksanakan pelbagai pendekatan bagi mengembangkan pasaran minyak sawit di luar negara, terutama dalam usaha meningkatkan harga

komoditi berkenaan.

Ketua Setiausaha MPI, Datuk Dr Tan Yew Chong berkata, harga bukan cabaran pertama dihadapi negara, malah ia bersifat jangka pendek disebabkan pasaran dan harga yang tidak menentu.

"MPI menggunakan pendekatan holistik untuk mengatasi cabaran berkenaan dan perlu melihat secara menyeluruh di negara pengeluar sawit terutama dari segi bekalan dan permintaan," katanya kepada pemberita selepas Taklimat Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan sesi dialog bersama pekebun kecil di Bukit Pelanduk, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, banyak elemen yang perlu dilihat dan pada masa sama pelbagai inisiatif sudah dan sedang dilaksanakan.

"Salah satunya ialah memperluaskan pasaran ke seluruh dunia. Setiap kali kita mengadakan misi promosi dan perdagangan, kita akan mencari jalan untuk menambah penjualan minyak serta pro-

duk sawit negara. Pengeluaran minyak sawit secara mampan akan meningkatkan daya saing industri sawit negara," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini industri sawit berdepan pelbagai isu yang boleh menggugat pasaran produk sawit. Ini termasuk isu kemampanan dan alam sekitar yang mengaitkan penanaman sawit dengan penebangan hutan dan ancaman hidupan liar.

Kukuhkan imej

"Bagi menangkis kempen memburukkan imej sawit, kerajaan melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan imej industri sawit negara termasuk pelaksanaan pensijilan MSPO bagi memastikan sawit ditanam menepati peraturan alam sekitar dan amalan pertanian baik yang diterima peringkat antarabangsa," katanya.

Katanya, pensijilan MSPO yang berlandaskan peraturan akan memberi manfaat kepada penanam dan pekebun kecil dari segi peningkatan



Dr Tan menyerahkan sijil MSPO kepada pekebun kecil sawit di Port Dickson.

produktiviti hasil sawit serta jaminan pasaran.

Pada masa ini, Kementerian dan MPOB sedang giat mempertingkatkan penyertaan pekebun kecil sawit bagi mematuhi prinsip kemampanan pensijilan MSPO.

Tambahnya, kerajaan juga amat prihatin terhadap kos yang ditanggung oleh pekebun kecil bagi membiayai pelaksanaan MSPO.

"Dana berjumlah RM30 juta disediakan kerajaan bagi membantu pekebun kecil melaksanakan

MSPO yang merangkumi kos yuran pensijilan, latihan berkaitan MSPO, penyediaan rak penyimpanan bahan kimia dan peralatan perlindungan diri," katanya.

Katanya, dana tambahan berjumlah RM100 juta bagi geran MSPO turut diperuntukkan oleh Kerajaan untuk manfaat pihak yang terbabit dalam industri sawit.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyerahkan sijil MSPO kepada pekebun kecil sawit sekitar Port Dickson.

Bincang hala tuju pemerangkapan biogas sawit

Oleh Nasrin Abu Bakar

nasrin@mopob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan penggiat industri merangka hala tuju dan membincangkan isu berkaitan pemerangkapan biogas di kilang sawit seluruh Malaysia dalam usaha memelihara alam sekitar.

Pelepasan biogas ke atmosfera yang terhasil daripada proses penguraian secara anaerobik efluen sawit di kolam dan tangki terbuka adalah antara cabaran dihadapi oleh sektor pengilangan sawit pada masa ini.

Biogas yang mengandungi ~65% gas metana dan ~35% gas karbon dioksida adalah gas rumah hijau yang memberi kesan kepada perubahan iklim.

Menyedari akan keperluan untuk mengurangkan kesan alam sekitar dan potensi biogas sebagai sumber tenaga diperbaharui, sesi konsultasi bersama industri sawit bagi membincangkan isu berkaitan pemerangkapan biogas di kilang sawit seluruh Malaysia diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Sesi itu dihadiri lebih 90 peserta, merangkumi kementerian, agensi kerajaan, persatuan industri terutama daripada sektor pengilangan, pengusaha tenaga diperbaharui serta syarikat pembekal tenaga, minyak dan gas.

Majlis dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan



Sebahagian wakil industri sawit yang hadir sesi konsultasi berkaitan pemerangkapan biogas di Bangi.

dan Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Dalam ucapan, Dr Ahmad Parveez berkata, pemerangkapan biogas adalah inisiatif bagi menyokong usaha ke arah kelestarian dan pembangunan mampan industri sawit negara untuk terus berdaya saing di peringkat global.

Dapatkan maklum balas

Katanya, sehingga kini sebanyak 104 kilang sawit sudah memasang loji pemerangkapan biogas di seluruh negara.

Beliau menegaskan, inisiatif

pemerangkapan biogas seiring dengan kriteria kelestarian minyak sawit dalam menggalakkan penggunaan tenaga diperbaharui di kilang sawit yang juga disambung ke grid nasional, bagi menjana pendapatan, mengurangkan kos operasi serta memacu aktiviti hiliran di kilang sawit.

Katanya, maklum balas yang diperolehi akan digunakan sebagai asas dalam merangka polisi dan halatujui inisiatif pemerangkapan biogas di kilang sawit pada masa hadapan.

"Tujuan utama sesi konsultasi ini ialah untuk mendapatkan pan-

dangan dan maklum balas pihak berkepentingan mengenai hala tuju, isu dan langkah untuk mengatasi cabaran berkaitan pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas di kilang sawit," katanya.

Pada sesi itu, MPOB dan kementerian berkongsi maklumat melalui pembentangan kertas kerja mengenai status pemerangkapan biogas di kilang sawit serta cadangan penggunaan *bio-compressed* natural gas (Bio-CNG) untuk sektor industri.

Bagi menggalakkan pemasangan fasiliti pemerangkapan biogas, MPOB mengenakan syarat tambahan kepada kilang sawit baharu dan kilang yang memohon untuk penambahan kapasiti pemprosesan pemasangan pemerangkap biogas ataupun teknologi pengalakan metana bermula 1 Januari 2014.

Sementara itu, bagi kilang sedia ada, MPOB amat menggalakkan pemasangan pemerangkap biogas dilakukan pengilang sawit, bergantung kepada keperluan kilang, dorongan pasaran serta kepentingan alam sekitar.

Antara cabaran yang diutarakan oleh pihak pengilang termasuk kos pelaburan dan penyelenggaraan yang tinggi, kekangan dari segi kuota Feed-in Tariff (FiT) dan titik penyambungan ke grid nasional, serta kegunaan biogas yang terhad di kilang sawit.

Kongsi maklumat

Pada masa sama, pihak industri

turut berkongsi maklumat dan pengalaman dalam pengoperasian pemerangkapan biogas serta kegunaan biogas.

"Faedah ekonomi dan alam sekitar adalah faktor penggalak utama kepada inisiatif pemasangan pemerangkapan biogas di kilang sawit. Inisiatif ini perlu dilihat sebagai perseediaan pihak industri memenuhi kriteria pensijilan kelestarian minyak sawit dan keperluan peraturan alam sekitar pada masa hadapan," kata Dr Astimar Abd Aziz, Pengarah Kejuruteraan dan Pemprosesan MPOB ketika membentangkan kertas kerja pada sesi konsultasi itu.

Buat masa ini, tiada sebarang kriteria pensijilan dan keperluan peraturan alam sekitar yang spesifik dikuatkuasakan kepada pelepasan gas metana daripada efluen sawit.

Selain mengurangkan pelepasan rumah hijau dan jejak karbon (carbon footprint), inisiatif pemerangkapan biogas juga dilihat dapat membantu dalam mematuhi peraturan alam sekitar.

Ini termasuk rawatan efluen sawit, mengurangkan bau serta pelepasan partikel daripada dandang stim sawit melalui pembakaran biogas bersama biojisim sawit di dalam dandang kilang sawit.

Pihak industri turut dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) kini dalam proses merangka peraturan kualiti alam berkaitan bau dengan cadangan had maksimum 12,000 OU/m³ untuk kilang sawit.

Kod Amalan 3-MCPDE, GE dibincang ketika CCCF13

➔ Lindungi kesihatan pengguna, pastikan amalan adil dalam perdagangan makanan di peringkat antarabangsa

Oleh Raznim Arni Abd. Razak
raznim@mpob.gov.my dan

Rosidah Radzian
rosidah@mpob.gov.my

Yogyakarta, Indonesia

Delegasi Malaysia yang disertai wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama wakil Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Lembaga Koko Malaysia (MCB) dan Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Codex Committee on Contaminants in Foods Sesi ke-13 (CCCF13) yang telah berlangsung pada awal Mei lalu.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr Wieke Tas dari Kementerian Pertanian, Alam Sekitar dan Kualiti Makanan, Belanda manakala Dr Roy Sparringa dari Agensi Penilaian dan Teknologi Aplikasi, Pusat



Delegasi Malaysia ke mesyuarat CCCF ke-13 di Yogyakarta, Indonesia

Perkhidmatan Teknologi, Indonesia adalah pengerusi bersama.

Lebih 200 delegasi daripada 45 negara ahli dan beberapa pertubuhan antarabangsa menghadiri mesyuarat kali ini.

CCCF adalah salah satu jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Commission (CAC) iaitu sebuah badan di bawah naungan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian antarabangsa bagi aras bahan cemar (contaminants) di dalam produk makanan.

Jadi rujukan

Piawaian ini menjadi rujukan pihak berkuasa seluruh dunia dalam memastikan keselamatan makanan

dalam perdagangan antarabangsa.

Mesyuarat dirasmikan Pengerusi Food and Drug Authority Indonesia, Dr. Penny K. Lukito.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan mandat Codex untuk melindungi kesihatan pengguna dan memastikan amalan yang adil dan saksama dalam perdagangan makanan di peringkat antarabangsa.

“Jawatankuasa Codex terutamanya CCCF sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk membangunkan dokumen standard berkaitan aspek keselamatan makanan.

Katanya, ini termasuklah pembangunan dokumen kod amalan dan penentuan aras maksimum bahan cemar yang dibenarkan di dalam produk makanan yang didaftarkan.

“Di samping itu, pengemaskinian dokumen standard sedia ada juga giat dijalankan dalam memastikan standard dagangan produk makanan sentiasa ditambah baik,” katanya.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat CCCF13 diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Mahamad Sukor Senapi bersama enam delegasi termasuk dua wakil MPOB.

Delegasi Malaysia membawa mandat membincangkan draf dokumen kod amalan untuk pengurangan aras 3-monochloropropenediol ester (3-MCPDE) dan glycidyl ester (GE) di dalam minyak tertapis. 3-MCPDE dan GE adalah bahan cemar yang terhasil daripada pemprosesan minyak sayuran.

Satu penghormatan

Adalah satu penghormatan bagi Malaysia sebagai Pengerusi Bersama untuk bekerjasama dengan Kesatuan Eropah, dan Amerika Syarikat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Elektronik (eWG-COP) bagi 3-MCPDE dan GE.

Misi eWG-COP pada mesyuarat kali ini berjaya kerana CCCF13 bersetuju untuk memajukan COP ke Langkah 8 untuk diluluskan semasa Mesyuarat Codex Alimentarius Commission Sesi ke-42 (CAC42) yang dijadualkan pada Julai 2019 dan diterima pakai oleh negara anggota.

COP akan digunakan sebagai garis panduan dalam industri minyak sawit dunia untuk memastikan keselamatan dan kualiti makanan sepanjang rantaian bekalan.

Malaysia, sebagai pengeluar minyak sawit utama kedua di dunia, meletakkan keutamaan yang tinggi dalam keselamatan dan kualiti makanan kerana kebanyakan minyak sawit digunakan sebagai bahan makanan dan di dalam produk kosmetik.

Pendekatan ini akan memastikan bahawa produk sawit mempunyai standard yang sama dan akan diterima oleh semua negara pengimport melalui amalan perdagangan yang adil tanpa diskriminasi.

Pelaksanaan COP bersama teknologi sesuai akan dapat membantu pengguna, pembekal, pengeluar dan penguatkuasa dalam memastikan kualiti serta keselamatan produk makanan terjamin.

Melindungi kesihatan pengguna dan memastikan amalan dagangan yang baik dan saksama adalah faktor utama yang dititikberatkan oleh kerajaan Malaysia.

Delegasi EU dalam amalan mampan ladang sawit

Oleh Dr Laziana Ahmad
laziana@mpob.gov.my

Pulau Carey: Seramai 17 diplomat ahli Asia Oceania Working Party (COASI) yang bertanggungjawab menguruskan hubungan Kesatuan Eropah dengan 27 negara dan enam organisasi serantau Asia dan Oceania berkunjung ke ladang sawit Sime Darby di Pulau Carey.

Delegasi diketuai Pengerusi COASI, Filip Grzegorzewski dan diiringi oleh dua pegawai kedutaan Kesatuan Eropah di Malaysia iaitu Pegawai Perhubungan Politik, Media dan Informasi Carl-Henrik Hall, dan Pegawai Perdagangan dan Ekonomi, Pekka Penttila.

Ladang sawit dipilih oleh delegasi kerana ingin mendalami amalan perladangan mampan di ladang sawit dan atas kesedaran bahawa minyak sawit merupakan industri penting Malaysia yang mewakili 11 peratus eksport Malaysia ke Eropah.

Sepanjang lawatan, delegasi dibawa ke tapak demonstrasi estet untuk penerangan aktiviti huluhan di peringkat penanaman sawit, jenis kawalan biologi yang digunakan di ladang sawit, pengitaran semula pelepah daun dan tandan sawit kosong sebagai sumber organik tanah serta kaedah penuaian tandan sawit secara manual.

Tingkatkan kepercayaan

Tambah menarik, delegasi diberi pendedahan mengenai pengenalan tandan buah sawit, proses pendebungaan dan produk sawit.

Selain estet sawit, delegasi dibawa ke Palm Oil Experience Centre (POEC), Sime Darby yang menempatkan galeri sawit dan makmal digital sawit.

Delegasi turut diberi pendedahan mengenai industri sawit di Malaysia, sumbangan serta sejarah penubuhan Sime Darby Plantation, usaha aktiviti kemampan yang dijalankan, aktiviti hiliran yang

merangkumi pengilangan isirung sawit, penapisan minyak sawit dan pengilangan oliokimia di Sime Darby.

Antara isu yang diutarakan adalah kesan perubahan iklim dunia terhadap industri sawit dan langkah meningkatkan kepercayaan penduduk dunia terutamanya warga Eropah terhadap penggunaan minyak sawit mampan.

Pengurus Projek Khas Huluhan Ladang Sime Darby Plantation, Ezzaruddin Abdul Rapor, menerangkan bahawa industri sawit Malaysia menghadapi fenomena El-Nino pada tahun 2014 di mana jumlah hujan berkurang dan suhu meningkat hingga menyebabkan tanah menjadi kering dan menjejaskan produktiviti sawit.

“Pengalaman ini digunakan Sime Darby untuk menjalankan usaha bagi mengatasi kesan perubahan iklim dunia,” katanya.

Pengurus Komunikasi Luar Sime Darby Plantation, Asmad



Delegasi mendengar penerangan tentang aktiviti huluhan sawit di estet Sime Darby.

Putra turut mengulas mengenai meningkatkan kepercayaan pengguna dunia terhadap minyak sawit Malaysia.

Katanya, Sime Darby mempunyai beberapa pusat inovasi di peringkat global iaitu di Netherlands dan Afrika Selatan yang

dibangunkan untuk menyediakan rundingan teknikal kepada pelanggan serata dunia, membangunkan produk baharu berdasarkan kehendak pasaran dunia dan memberi bantuan teknikal kepada kilang penapisan di serata dunia.

Penilaian alam sekitar, keselamatan, kualiti bagi produk berasaskan metil ester sulfonat sawit

➔ Tingkatkan keupayaan MPOB dalam menyediakan pakej lengkap R&D

Oleh Razmah Ghazali
razmah@mpob.gov.my

Pembangunan pesat dalam penghasilan bahan kimia berasaskan sawit dan produk baharu melalui usaha penyelidikan serta pembangunan dinamik, sama ada di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) atau di seluruh dunia, meningkatkan keperluan terhadap ujian penilaian kualiti, persekitaran dan keselamatan bagi memastikan bahan-bahan ini berkualiti tinggi dan selamat kepada pengguna dan alam sekitar.

Data kualiti, sekitaran dan keselamatan ini diperlukan oleh pihak

berkuasa (regulator), terutamanya di Eropah bagi memastikan industri sawit mematuhi semua keperluan undang-undang yang digunakan di negara terbabit.

Bagi menjamin industri sawit dan oleokimia berdaya saing di peringkat antarabangsa, beberapa program penilaian dibangunkan yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) kaedah penilaian produk berasaskan sawit.

Selain aktiviti penyelidikan, program ini juga menyediakan perkhidmatan ujian analitikal, ekotoksikologi dan efikasi kepada pelanggan tempatan serta luar negara.

Tingkatkan keupayaan

Penubuhan Makmal Perkhidmatan Analitikal yang diakreditasi dengan sistem MS ISO/IEC 17025, Makmal Ekotoksikologi yang mematuhi Organization for Economic Cooperation and Development (OECD) Good Laboratory Practice (GLP) dan Makmal Perkhidmatan Efikasi meningkatkan keupayaan MPOB dalam menyediakan pakej lengkap R&D dan perkhidmatan dalam penilaian kualiti, sifat mesra alam dan keberkesanan produk berasaskan sawit kepada penyelidik MPOB, industri minyak

sawit dan oleokimia serta industri kimia lain.

Salah satu bahan kimia berasaskan sawit yang mempunyai potensi besar adalah metil ester sulfonat (MES).

Ianya digunakan sebagai bahan aktif permukaan (surfactant) utama dalam bahan pencuci pakaian serbuk dan cecair, dan dalam cecair pencucian pinggan mangkuk.

Ia mempunyai keupayaan setanding dengan bahan aktif permukaan komersial berasaskan petroleum dan memberikan alternatif kepada pengeluaran produk pencuci menggunakan bahan kimia yang mesra alam serta mampan.

Satu set data lengkap yang merangkumi data biodegradasi, ekotoksikologi, penilaian kitaran hidup (life cycle assessment, LCA), keselamatan dan kualiti bagi MES dijana bagi memudahkan produk berasaskan minyak sawit dan bahan kimia lain dipasarkan di peringkat antarabangsa dan memastikan pematuhan kepada regulasi negara-negara pengimport.

Makmal rujukan

Rantainya inovasi yang ditawarkan MPOB ini menawarkan pakej lengkap

penilaian kepada pengeluar produk baharu dan sedia ada berasaskan minyak sawit dan bahan kimia lain.

Novelti yang dimiliki oleh makmal perkhidmatan ujian MPOB termasuk satu-satunya entiti perkhidmatan awam yang menawarkan pelbagai bentuk penilaian produk di bawah satu bumbung dengan kemudahan bertaraf dunia, diakreditasi dengan sistem pengurusan kualiti antarabangsa iaitu ISO 17025 dan pematuhan OECD GLP.

Perkhidmatan ini turut menawarkan bantuan teknikal dengan pengeluar produk pencuci menggunakan bahan kimia yang mesra alam dan bermahiran tinggi serta menawarkan pakej lengkap penilaian yang diperlukan oleh sesuatu produk.

Makmal ini turut menjadi makmal rujukan kepada pelanggan tempatan dan luar negara, pusat sehati bagi penilaian kualiti, sekitaran dan keselamatan, disamping menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan daripada badan-badan tempatan dan luar negara, seperti American Oil Chemists' Society (AOCS) dan Institut Kimia Malaysia.

Mudahkan pemasaran

Kelebihan lain yang ditawarkan oleh

inovasi ini termasuk data penilaian akan memudahkan pemasaran produk serta pendaftaran produk di dalam dan luar negara melalui ujian yang dijalankan oleh makmal bertaraf OECD GLP, memastikan pematuhan kepada regulasi, menjamin perlindungan terhadap manusia dan alam sekitar, keputusan makmal yang konsisten melalui sistem pengurusan makmal yang ketat, memudahkan pengeluar membangunkan spesifikasi produk.

Perkhidmatan ditawarkan MPOB pada harga berpatutan berbanding sekiranya ujian dilakukan di luar negara.

Dengan adanya kemudahan makmal yang lengkap dan kakitangan yang kompeten, serta pengiktirafan di peringkat antarabangsa, MPOB kini berupaya menawarkan perkhidmatan ujian penilaian sekitaran, keselamatan dan kualiti yang dapat membantu industri tempatan khususnya, dan luar negara amnya, di dalam aktiviti pemasaran dan pendaftaran produk.

Untuk maklumat lanjut hubungi inovasi ini, sila e-mel kepada razmah@mpob.gov.my.



Penilaian sampel produk dijalankan kakitangan di makmal ekotoksikologi.

TOT 2019

First Announcement

25th MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR & EXHIBITION

TUESDAY, 9 JULY 2019
MPOB HEAD OFFICE, BANGI, SELANGOR

WHAT IS TOT?
It is the transfer of new MPOB R&D findings from bench to the market place. The new technologies and services are offered to the oil palm industry for adoption and commercialisation. TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities in wealth creation.

TARGET AUDIENCE

- Entrepreneurs
- Small and Medium Scale Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Engineering Professionals
- R&D Personnel/ Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/ Traders/ Processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/ oil palm industry

EVENT HIGHLIGHTS
Launch of the new technologies:

- Plantation
- Biotechnology
- Milling and Processing
- Oleochemical
- Food Technology
- Exhibition on new products and services

Technical enquiries, please contact:

Dr Anis Mokhtar
Tel: 03-8769 4574

Suraya Mohamad
Tel: 03-8769 4579

E-mail: tot@mpob.gov.my

SureSawit™ True-to-Type penanda molekul universal uji ketulenan



Anak pokok sawit yang tidak dikehendaki berjaya dikesan di tapak semaian menggunakan SureSawit™ kit.

Oleh Leslie Ooi Cheng Li
leslie@mpob.gov.my

Perkembangan sektor hulu industri sawit negara kini menghadapi kekangan dari segi keterbatasan tanah untuk kawasan penanaman baharu.

Justeru, peningkatan produktiviti berterusan memerlukan bahan tanaman daripada hibrid yang berkualiti semasa penanaman semula dan baharu, di samping amalan pertanian baik yang konsisten.

Penghasilan bahan tanaman sawit berkualiti dalam program biak baka membabitkan kakukan dua induk sawit terpilih.

Induk yang berpotensi akan dikacuk dan anak pokok yang dihasilkan akan ditanam di plot percubaan untuk penilaian prestasi.

Meskipun rumit, pengacukan induk sawit antara aktiviti penting dalam program biak baka.

Proses membabitkan pokok sumber debunga yang digunakan untuk mendebunga bunga betina pada pokok satu lagi.

Kesilapan sering berlaku adalah

debunga yang tidak terpilih turut terbabit dalam pendebungaan bunga betina dan menghasilkan anak pokok tidak dikehendaki.

Justeru, masalah pencemaran biak baka sebegini membantutkan usaha mengenal pasti induk sawit terbaik di samping kecelaruan menentukan kombinasi pokok sawit induk yang paling serasi.

Pokok berkualiti

Justeru, masalah pencemaran semasa pengacukan perlu diatasi lebih awal bagi memastikan hanya anak pokok berkualiti dihasilkan daripada program biak baka.

Kultur tisu menghasilkan ratusan klon sawit serupa, dikenali juga sebagai ramet, daripada satu pokok sawit yang dikenali pula sebagai ortet.

Kebiasaannya, makmal kultur tisu akan mengklon lebih dari satu ortet pada satu-satu masa untuk menghasilkan ribuan ramet.

Proses kultur tisu membabitkan banyak sampel pada sesuatu masa sehingga menyebabkan masalah percampuran yang tidak dijangka terutamanya membabitkan pelaburan ortet.

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019

Theme:
BALANCING
SUSTAINABILITY
PILLARS

19-21
NOVEMBER
2019

Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Join this prestigious event of 2019!

Organised by:

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

www.mpob.gov.my

Connect with us at

pipoc@mpob.gov.my

pipoc.mpob.gov.my



Info

Kelebihan SureSawit™ True-to-Type

Amat berguna dalam program biak baka sawit, kultur tisu dan kawalan kualiti rantainya bekalan sawit dengan prospek seperti berikut:

- ➔ **Membezakan pokok sawit** berdasarkan latar belakang genetik
- ➔ **Mengenal pasti** anak sawit tidak dikehendaki yang terhasil daripada kacukan di antara dua baka terpilih
- ➔ **Menghimpunkan klon** berdasarkan keturunan serta membezakan berdasarkan ortet
- ➔ **Meningkatkan kecekapan** pengurusan biak baka, pengeluaran benih dan amalan baik pertanian di tapak semaian sawit
- ➔ **Mengesan keturunan** baka sawit jika terdapat pertikaian mengenai asal-usul pokok sawit yang ditanam.

Dua teknologi MPOB raih pingat emas ITEX 2019

➔ Ketengah inovasi sedia untuk dikomersialkan

Oleh Syed Mohd Hazry Syed Hamid
mohd.hazry@mpob.gov.my

▀ Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meraih dua pingat emas menerusi inovasi bertajuk SureSawit™ TRUE-TO-TYPE - A High Throughput Universal Single Nucleotide Polymorphism (SNP) Panel for Oil Palm DNA Fingerprinting dan Innovation Chain for Palm Methyl Ester Sulfonate: Environment, Safety and Quality Assessment.

Dalam acara tahunan itu, MPOB turut berjaya merangkul dua pingat perak dalam ITEX 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, baru-baru ini.

ITEX 2019 anjuran Malaysia

Invention and Design Society (MINDS) dan C.I.S Network (C.I.S) Sdn Bhd bertemakan "Inventing for Digital Era" adalah pertandingan reka cipta peringkat antarabangsa yang memberi peluang kepada pereka cipta dan saintis dari dalam dan luar negara untuk mempamerkan idea inovatif dan kreatif hasil ciptaan mereka.

Dua pingat emas

Lebih 1,000 inovasi mewakili 20 negara menyertai acara itu pada tahun ini.

Dua pingat emas MPOB diperolehi melalui inovasi yang diketuai oleh Leslie Ooi Cheng Li, Pegawai Penyelidik menerusi inovasi SureSawit™ TRUE-TO-TYPE - A High Throughput Universal Single Nucleotide Polymorphism (SNP) Panel For Oil Palm DNA Fingerprinting



Leslie Ooi Cheng Li dan Razmah Ghazali bersama pingat emas ITEX 2019 yang dimenangi di Kuala Lumpur.

dan Razmah Ghazali, Innovation Chain for Palm Methyl Ester Sulfonate: Environment, Safety and Quality Assessment.

Dua pingat perak pula dimenangi inovasi bertajuk Palm 16B Met Pro: Novel Corrosion Inhibi-

tor from Palm Oil oleh Dr Noor Khairin Mohd dan Poly (glycerol esteramide) (HPGEA), a palm based oleochemical derivative materials, as excipient for poorly water soluble drugs oleh Dr Lim Wen Huei.

Sebanyak lima kategori penyer-

taan yang ditetapkan penganjur bagi penyertaan inovasi mewakili pelbagai agensi seluruh Malaysia dan negara luar iaitu universiti/institusi pendidikan, institusi penyelidikan, korporat, startups, luar negara dan individu.

Delegasi Kementerian Pertanian Indonesia kunjungi MPOB

Fakta nombor

10

kenderaan telah diuji dengan biodiesel B100

14 JUTA

hektar keluasan ladang sawit Indonesia



Dr Norman (kiri) menyampaikan buku terbitan MPOB berjudul 'The Oil Palm Saga' kepada Dr Saleh Muchtar.

Oleh Dr Laziana Ahmad

laziana@mpob.gov.my

Bangi: Delegasi Kementerian Pertanian Republik Indonesia mengadakan lawatan ke ibu pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Delegasi lawatan disertai oleh Pengarah Bahan Pembinaan, Dr Saleh Muchtar dan Pengarah Pemprosesan dan Pemasaran Tanaman Estet, Dr. Suprihartono dari Kementerian Pertanian Indonesia.

Ketibaan delegasi disambut dan diberi penerangan oleh Pengarah Bahagian Biologi, Dr Norman Kamarudin.

Ketika berucap mengalu-alukan kunjungan berkenaan, beliau berkata, Malaysia dan Indonesia adalah negara utama pengeluar minyak sawit dunia dan wajar saling bekerjasama dan belajar antara satu sama lain untuk memastikan perkembangan pesat industri sawit di peringkat antarabangsa.

Dr Saleh Muchtar berkata, di Indonesia, walaupun mempunyai keluasan ladang sehingga 14 juta hektar, produktiviti

minyak sawit masih rendah berbanding Malaysia.

Bangunkan kit

Selain itu, kes pencemaran benih iaitu selain tenera masih lagi banyak dilaporkan berikutan kekurangan kepakaran untuk proses saringan spesies benih sawit.

"Kami menghadapi masalah mengenal pasti baka benih sawit dan ini menyebabkan kurangnya produktiviti minyak sawit kerana benih sawit yang telah ditanam adalah spesies sawit yang kurang memberikan hasil, iaitu dura", katanya.

Pegawai penyelidik, Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka (ABBC) MPOB, Dr Mohd Din Amiruddin berkata, Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Orion Biosains™, membangunkan kit untuk mengenal pasti tiga spesies sawit iaitu tenera, dura dan pisifera.

"Melalui kelengkapan kit diagnostik ini, pekebun kecil dapat memastikan sawit komersial yang ditanam adalah daripada baka tenera sahaja, bagi mengelakkan pen-

cemaran dengan baka dura.

Promosi lebih meluas

Mengulas mengenai langkah kerajaan Indonesia yang baru-baru ini, merasmikan pelancaran ujian perdana Biodiesel B100, Dr Saleh Muchtar berkata, ujian ini dilakukan di peringkat Kementerian Pertanian, iaitu ke atas kenderaan diesel yang digunakan di Kementerian itu.

Katanya, sehingga kini, sebanyak 10 kenderaan telah diuji sejauh 6000 km dan tiada masalah dilaporkan. Selain kenderaan, mesin traktor di Kementerian Pertanian juga sedang diuji dengan biodiesel B100".

"Langkah ini penting sebagai persediaan menghadapi boikot terhadap minyak sawit yang kini dilakukan oleh Kesatuan Eropah. Indonesia kini menggunakan biodiesel B20 dengan meluas dan B30 mengikut sektor tertentu," katanya.

Di hujung perbincangan beliau menyatakan, bahawa minyak sawit perlu dipromosikan dengan lebih meluas supaya setiap lapisan masyarakat mengetahui mengenai kebaikan dan kelebihan minyak sawit.

Minyak sawit melambatkan penuaan: Dr Norman

➔ Galak pengguna beralih kepada minyak sawit

Oleh Siti Nurhajar
Mariam Wan Jaafar

nurhajar@mpob.gov.my

Dalam keghairahan individu mendapatkan berat badan idaman dan kesihatan baik, ada yang sanggup melakukan apa saja terutamanya mengelak mengambil makanan berlemak serta ber kolesterol tinggi.

Kurangnya pendedahan mengenai kaedah pemakanan yang betul menyebabkan ramai tidak mengetahui makanan berlemak

bukan punca utama penyebab kegemukan atau penyakit berbahaya. Malah, ramai juga beranggapan lemak tepu adalah punca kepada masalah jantung.

Makanan berkarbohidrat, sebaliknya dianggap berbahaya dan masyarakat perlu faham pengambilan makanan berkarbohidrat bukan saja boleh menyebabkan kegemukan, malah menjadi punca penyakit berbahaya seperti diabetes, obesiti dan kardiovaskular.

Doktor Perubatan Bahagian Anti Penuaan dan Estetik, Dr Norman Norawi dalam taklimatnya sempena Seminar Pemakanan anjuran MPOB berkata, terdapat kajian yang mendakwa, lemak tepu boleh menyumbang kepada peningkatan kolesterol.

Beliau berkata, lemak tepu adalah berguna dalam mengatasi masalah inflammasi yang menyumbang kepada masalah saluran darah jantung tersumbat.



Dr Norman Norawi

Plak kolesterol

Lemak daripada minyak sayuran sering kali dikaitkan dengan punca peningkatan kolesterol, tanpa sedar gula juga meningkatkan paras kolesterol 'trigliserida' yang boleh menjadi faktor inflammasi dan pembentukan plak kolesterol dengan lebih cepat.

"Ini juga menjadi punca kepada masalah atherosclerosis iaitu saluran darah menjadi keras akibat pendedahan kolesterol pada dindingnya.

"Apabila saluran darah menjadi keras maka ia akan menyebabkan pembentukan 'plak kolesterol' yang akan menyebabkan saluran darah tidak lancar," katanya.

Selain itu, ramai pengamal

perubatan mendakwa, makanan digoreng dengan minyak yang banyak dan suhu tinggi (deep fried) adalah antara makanan boleh menyebabkan saluran darah tersumbat.

Namun, Dr Norman menjelaskan, masalah sedemikian boleh diatasi apabila masyarakat mula beralih kepada penggunaan minyak sawit dalam diet seharian mereka.

Masyarakat di luar lebih cenderung memilih minyak sayuran seperti minyak kacang soya, minyak kanola dan minyak bunga matahari tanpa mengetahui minyak berkenaan amat buruk untuk kesihatan kerana mempunyai omega 6 berlebihan yang

boleh menghasilkan lemak trans.

Makanan yang kaya dengan lemak trans juga boleh menyebabkan saluran darah di jantung tersumbat.

Bahaya lemak trans

Katanya, menurut kajian Nurses' Heart Study, lemak trans ini lebih berbahaya dari lemak tepu dan mampu meningkatkan risiko saki jantung dua kali ganda.

Kajian mendapati, paras kolesterol jahat LDL dalam darah boleh berlaku dengan pengambilan makanan yang tinggi lemak trans secara berlebihan.

Begitu juga proses menggoreng boleh menyebabkan komposisi biokimia dalam sesuatu makanan itu berubah.

Apabila makanan berkolesterol digoreng dengan minyak mengandungi lemak trans, kolesterol akan bertindak dengan oksigen dalam minyak menghasilkan oxicholesterol iaitu kolesterol yang teroksida.

Ini kerana minyak mengandungi lemak trans adalah tidak stabil apabila digunakan untuk menggoreng pada suhu tinggi.

Proses menggoreng itu akan meningkatkan radikal bebas dalam makanan dan menyebabkan kerosakan sel di dinding saluran darah yang turut memudahkan pembentukan plak kolesterol yang menjejaskan saluran darah di jantung.

"Masyarakat pada hari ini perlu tahu bahawa penggunaan minyak sawit dalam menu seharian mampu membantu mengurangkan masalah inflammasi yang mampu mengundang sakit jantung selain tinggi dengan anti-oksida. Mereka perlu didedahkan dengan khasiat dan manfaat pengambilan lemak sihat, iaitu minyak sawit," katanya.

MSPPO memanfaatkan pekebun kecil sawit - Thoirairaj



Thoirairaj di kebun sawit miliknya.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di bawah Kementerian Industri Utama menggalas tanggungjawab besar dalam merealisasikan pensijilan MSPPO dan menyebarkan kelebihannya kepada pekebun kecil sawit.

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah salah satu instrumen penting dalam menjenamakan minyak sawit Malaysia sebagai pilihan utama dalam pasaran antarabangsa.

Daripada keluasan tanaman sawit negara seluas 5.85 juta hektar, 40% diusahakan oleh pekebun kecil yang berperanan besar dalam pembangunan industri sawit negara.

Terdapat 650,00 pekebun kecil di seluruh negara yang mengusahakan tanaman sawit sebagai sumber pendapatan utama keluarga.

Dengan pelaksanaan pensijilan MSPO, pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit secara persendirian adalah di bawah tanggungjawab MPOB yang menyediakan khidmat nasihat kepada pekebun kecil bagi mengurus kebun sawit mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) dengan cara lebih efisien.

Bagi pekebun kecil, N P Thoirairaj, 69, anak jati Teluk Intan, Perak, beliau mula menceburi bidang industri sawit lebih dari 30 tahun.

Pengalaman membantu

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai jurutera kilang sawit, kini adalah peladang sepenuh masa dan dibantu oleh lima lagi pekerja bagi menjalankan aktiviti ladang di kebun sawit.

"Di kebun, saya mengamalkan Kod Amalan Pertanian Baik (GAP) dalam semua aspek perladangan termasuk pematuhan kepada kod etika pekerja, keselamatan dan kaedah penanaman yang betul bagi menjamin kualiti hasil sawit daripada ladang.

"Pengalaman saya dalam bidang penyelidikan pertanian sawit turut membantu dalam memastikan saya memenuhi prosedur bagi mendapatkan sijil MSPO untuk kebun saya," katanya.

Pada awal tahun 2016, kebun beliau yang berkeluasan 1.87 hektar layak menerima sijil MPOB GAP. Kelayakan itu adalah berdasarkan pematuhan beliau dalam mengikuti

27 amalan pertanian baik yang digariskan dalam persijilan MPOB GAP.

Ladang yang mula diusahakan sejak tahun 2012 itu dianugerahkan sijil MSPO pada 2017 setelah mengambil kira komitmen beliau dalam memenuhi piawaian MSPO.

Ladang berhasil

Kini, beliau boleh berbangga dengan ladang yang diusahakan sejak tujuh tahun lalu kerana ia menempatkannya sebagai ahli Kelab 30 Tan MPOB, apabila ladangnya berjaya mengeluarkan hasil melebihi 30 tan bagi sehektar setahun.

Piawaian dan skim Pensijilan MSPO mula dibangunkan pada tahun 2011 atas kehendak industri sawit sebagai alternatif kepada skim pensijilan kemampuan sedia ada manakala piawaian MSPO dibangunkan melalui Jawatankuasa Induk dan Teknikal yang ditubuhkan di bawah seliaan MPOB.

Pelaksanaan mandatori MSPO menjelang Januari 2020 meningkatkan imej kemampuan industri sawit Malaysia dan menyediakan pelbagai peluang dan manfaat kepada pekebun kecil.



Aktiviti bengkel dan demonstrasi yang disertai kanak-kanak dan ibu bapa di KidZania Kuala Lumpur.

MPOC anjur Bengkel Masakan Sayangi Sawitku di KidZania



➔ Aktiviti memasak sempena cuti persekolahan

Satu aktiviti memasak bersama kanak-kanak di KidZania Kuala Lumpur dianjurkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sempena cuti persekolahan yang bertemakan minggu kerjaya.

Aktiviti ini diadakan bagi memperkukuhkan lagi kehadiran Palm Chocolate Factory milik MPOC yang ditubuhkan sejak tahun lepas. Ia juga adalah sebahagian daripada aktiviti di bawah kempen Sayangi Sawitku.

KidZania platform yang baik untuk mendidik generasi muda mengenai minyak sawit. MPOC dapat menyampaikan informasi kepada golongan muda dan ibu

bapa melalui pelbagai pendekatan untuk meningkatkan kesedaran mengenai minyak sawit.

Objektif penyertaan MPOC adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik kanak-kanak serta ibu bapa yang terdiri warga tempatan dan warga asing.

Ini kerana industri minyak sawit pada ketika ini dipenuhi dengan persepsi negatif yang berpunca daripada media luar negara dan segelintir daripada dalam negara Malaysia sendiri.

Tanggapan dan persepsi negatif ini mampu mempengaruhi keupayaan kanak-kanak dan ibu bapa untuk membuat penilaian yang telus terhadap komoditi negara kita.

Bengkel dan demonstrasi masakan dilakukan oleh dua duta minyak sawit yang berbakat dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam iaitu Muhammad Ridzuan Samat dan Anees Enrina Hazman.

Dua resipi yang menonjolkan penggunaan minyak sawit ditun-

jukkan. Mereka juga menerangkan mengenai kebaikan minyak sawit dan minyak sawit merah yang bebas kolesterol dan lemak trans.

Minyak sawit pula sangat sesuai untuk semua jenis masakan terutama sekali untuk menggoreng.

Dua sesi

Aktiviti ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah demonstrasi masakan kek coklat brownies yang dihias dengan 'topping' coklat ganache.

Coklat ganache adalah tumpuan utama pada sesi demonstrasi kerana rupanya yang menyelekan.

Kedua-dua duta menekankan fungsi dan faedah minyak sawit yang membuat 'topping' coklat menjadi licin dan berkilat.

Ibu bapa dan kanak-kanak dapat belajar mengenai kepentingan penghasilan minyak sawit dalam penghasilan makanan.

Minyak sawit menjadi pilihan pengeluaran makanan kerana sesuai

digunakan untuk pelbagai jenis penggunaan dalam penghasilan produk makanan.

Makanan seperti coklat, menggunakan minyak sawit untuk tahan lebih lama, memberikan tekstur licin dan berkilat kepada makanan serta menjadikan coklat tidak mudah cair.

Sesi kedua merangkumi bengkel masakan yang membabitkan ibu bapa dan kanak-kanak.

Aktiviti pembuatan mayonis berasaskan minyak sawit diadakan. Ibu bapa dan kanak-kanak diajar untuk menghasilkan mayonis menggunakan minyak sawit dan kuning telur.

Aktiviti ini menarik ramai pengunjung KidZania dan menjadi acara utama untuk bengkel serta demonstrasi masakan ini.

Tingkatkan kesedaran

Melalui program ini, kanak-kanak dapat mempelajari betapa mudahnya untuk membuat makanan yang sihat, tanpa menggunakan pewarna dan bahan pengawet di

samping mengekalkan rasa makanan yang lazat menggunakan minyak sawit.

Minyak sawit Malaysia baik untuk kanak-kanak, terutamanya minyak sawit merah yang mengandungi Provitamin A dan Vitamin E Tokotrienol.

Ia mengandungi antioksidan yang membantu pertumbuhan kanak-kanak dan meningkatkan daya imunisasi.

Seramai lebih 150 kanak-kanak dan ibu bapa mengambil bahagian dalam program bengkel masakan ini.

Oleh kerana bengkel dan demonstrasi masakan mendapat sambutan yang menggalakkan, satu lagi program bakal diadakan di KidZania Kuala Lumpur pada 1 & 2 Jun 2019, dengan tema 'Science & Space' (Sains & Angkasa).

Program seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran dan memberi manfaat kepada generasi muda untuk memastikan dan mengekalkan persepsi positif terhadap minyak sawit.

Kenali, sayangi, sanjungi sawitku

Pepatah Melayu ada berbunyi 'tak kenal maka tak cinta'. Ungkapan pepatah ini sering kita dengar membawa maksud jika kita tidak mengenali maka susah untuk hati kita terpaut.

Dalam konteks sawit, jika kita tidak betul-betul mengenali sawit maka belum tentu kita akan menyukai apa-apa yang berkaitan dengan pokok sawit bertepatan dengan tajuk "Kenali, sayangi, sanjungi sawitku" yang sangat bersesuaian dengan pepatah di atas.

Bagi menambah pengetahuan mengenai sawit, semua pihak berperanan menyebarkan kebaikan mengenai sawit di pelbagai peringkat lapisan masyarakat Malaysia.

Pihak Kementerian Industri (MPI) Utama boleh bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menambah sedikit silibus mengenai sawit dan faedah di dalam matapelajaran sains di peringkat sekolah rendah dan matapelajaran biologi atau sains pertanian di peringkat sekolah menengah.

Selain itu, MPI boleh menambahkan lagi promosi mengenai minyak sawit dan kajian terkini di media massa dan di alam maya.

Baru-baru ini, kempen dan informasi mengenai khasiat minyak sawit merah disiarkan dan ia membuka mata pelbagai pihak mengenai kebaikan minyak kelapa sawit.

Bagi meningkatkan lagi penyuluran maklumat mengenai minyak sawit dalam bentuk grafik yang menarik, pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan medium alam maya terbaru iaitu Palmoilpedia MPOB.

Usaha murni berterusan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhammad Fawwaz Adli Zakaria
SMKA Sheikh Abdul Malek
Kuala Terengganu, Terengganu

oleh MPOB ini akan dapat meningkatkan kecintaan kepada minyak sawit dan akan menyanjung minyak sawit.

Walaupun pelbagai persepsi negatif mengenai sawit viral sejak kebelakangan ini terutama melalui kempen antiminyak sawit Malaysia.

Melalui Palmoilpedia MPOB ini, ia secara tidak langsung menjadi pusat rujukan maklumat yang padat dan ringkas berserta video pendek yang menarik dan ia mampu menarik golongan generasi Y yang sentiasa aktif melayari internet.

Selain itu, pihak Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menganjurkan pertandingan memasak EDUPALM gaya hidup sihat dengan minyak sawit peringkat kebangsaan melibatkan sekolah rendah.

Ini secara tidak langsung memberikan informasi kepada ibu bapa dan murid mengenai minyak sawit dan pemakanan sihat berasaskan

sumber kelapa sawit.

Program ini secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada guru dan ia boleh disampaikan secara tidak langsung semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas demi menyokong kempen 'Sayangi Sawitku' yang giat dijalankan oleh Kerajaan dan diharapkan informasi ini akan berterusan dalam kalangan pelajar dan kekal di dalam hati masing-masing.

MPOB dan MPOC juga boleh mengadakan minggu atau hari sawit peringat kebangsaan bagi memberi peluang kepada orang ramai mendekati dan mendapatkan informasi mengenai sawit daripada saintis MPOB dan MPOC secara bersemuka.

Program ini boleh dijadikan program tahunan dan program jelajah setiap pelusuk negara pada setiap tahun. Ini kerana, kemungkinan masih ramai warganegara Malaysia yang tidak mengetahui fungsi dan objektif penuh agen ini sejak dahulu lagi dan sumbangannya kepada sosio ekonomi negara sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Ini juga dapat menghargai jasa dalam kalangan penyelidik dan membangkitkan lagi semangat penyelidik demi mencari lagi rahsia dan khasiat sawit kepada manusia dan alam sekitar.

Segala usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak MPI melalui MPOB dan MPOC akan membukakan hasil serta semakin ramai rakyat Malaysia akan mengenali segalanya mengenai pokok sawit dari biji, bertunas menjadi pokok dan menghasilkan buahnya.

Langkah-langkah bagi menangani cabaran dalam industri sawit

Lebih enam dekad Malaysia tersohor sebagai pengeluar utama dunia untuk minyak sawit. Hampir 90 peratus pengeluarannya kepada dunia disumbangkan oleh Malaysia dan juga negara jiran, Indonesia. Di samping itu, industri sawit menyumbang sekitar RM70 bilion pendapatan kasar negara.

Peranan pentingnya terhadap ekonomi negara dapat dilihat menerusi sumbangan sektor perladangan yang merangsang kestabilan pendapatan jangka masa panjang kepada pekebun kecil dan pengusaha luar bandar, di mana kira-kira 650,000 orang terbabit dalam industri ini.

Ketika krisis kewangan dunia pada tahun 1997 dan 1998, industri sawit berperanan menyelamatkan ekonomi negara di mana komoditi ini kekal berdaya saing dan permintaan terhadap minyak sawit terus kukuh.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini industri sawit menghadapi cabaran yang mengancam kelestariannya.

Ancaman itu bertunas daripada kesan ketidakstabilan ekonomi dunia dan juga persaingan sengit dengan produk minyak sayuran.

Lebih memburukkan keadaan beberapa negara tertentu mengambil tindakan propaganda negatif di peringkat antarabangsa.

Mereka melakukan kempen antiminyak sawit dengan mendakwa negara pengeluar, khususnya Malaysia melakukan pembangunan perladangan yang menyalahi perundangan alam sekitar serta tidak mematuhi pengurusan biodiversiti.

Secara naratif, tindakan mereka tidak lebih sebagai



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Mahamad Fauzi Ab. Razak
Shah Alam, Selangor

muslihat dan propaganda bersifat nasisisme bagi tujuan mempertahankan minyak sayuran yang menjadi pesaing minyak sawit negara.

Ternyata jika tiada tindakan proaktif diambil bagi mempertahankan maruah dan nama baik minyak sawit negara, kumpulan anti minyak sawit akan terus memanipulasi isu ini.

Justeru semua rakyat Malaysia yang cintakan negara perlu sama-sama mengambil inisiatif dan usaha untuk menangani isu berkenaan.

Antara usaha yang boleh diambil ialah menggunakan kepakaran beberapa agensi penyelidikan seperti Mardi dan UPM untuk membantukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

R&D bagi meneroka peluang baharu dalam bidang sinergi berasaskan sawit sebagai biofuel yang dapat menjimatkan kos, mesra alam serta sumber tenaga mampan.

Ketiga-tiga kriteria itu pelengkap kepada kehendak negara maju bagi mengurangkan pelepasan karbon.

Gesaan mengurangkan pelepasan karbon ini sebahagian daripada resolusi persidangan mengenai perubahan iklim di Paris.

Selain itu peluang harus dibuka luas kepada pihak swasta dalam dan luar negara menerusi pemberian insentif serta kemudahan akses bagi meneroka pelaburan baru dalam industri sawit.

Pelaburan itu mestilah difokuskan pada aktiviti bioteknologi dan aktiviti hiliran nilai tambah. Hakikatnya aktiviti berteknologi tinggi seperti oleokimia, farmaseutikal, pemprosesan makanan dan pelbagai produk penggunaan merupakan peluang pelaburan yang kondusif dan menguntungkan.

Berbanding minyak sayuran seperti minyak jagung dan kacang soya, minyak sawit tidak mudah cair dan stabil pada suhu tinggi. Justeru, banyak pengilang lebih menggemari minyak sawit bagi menghasilkan lemak dan adunan lemak dalam pembuatan kek dan pastri.

Di samping itu lemak gorengan industri hasil daripada minyak sawit seharusnya menjadi pilihan pengilang kerana ia stabil pada suhu tinggi dan boleh diguna berulang kali. Sudah semestinya ini dapat menjimatkan kos pengeluaran.

Sebagai langkah membolehkan minyak sawit diterima di pasaran antarabangsa, kerajaan perlu mewujudkan skim pensijilan standard.

Sehubungan itu, tindakan kerajaan mewajibkan amalan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO) adalah inisiatif tepat selaras permintaan pasaran global terhadap kualiti pengeluaran produk tersebut.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN JUN 2019

PERADUAN ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1 - Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Industri sawit mampan, tingkat imej negara. Bincangkan".

Kategori 2 - Awam
Tajuk: "Kelestarian industri sawit merangkumi pelbagai aspek. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;

- ⊙ Hadiah Pertama : **RM250**
- ⊙ Hadiah Kedua: **RM200**
- ⊙ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JULAI 2019 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mei 2019

HADIAH PERTAMA
Muhammad Fawwaz Adli Zakaria
SMKA Sheikh Abdul Malek
Kuala Terengganu,
Terengganu

HADIAH KEDUA
Tiada pemenang

HADIAH KETIGA
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2 - AWAM

Hadiah Pertama
Mahamad Fauzi Ab. Razak
Shah Alam, Selangor

Hadiah Kedua
Muhammad Hamqa Faiq Hamin Ludin
Kota Tinggi, Johor

Hadiah Ketiga
Mariani Che Hanafi
Jitra, Kedah

Syarat Penyertaan

- ⊙ Kategori 1: Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ Kategori 2: Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ⊙ Bukan kakitangan MPOB.
- ⊙ Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, alamat email (jika ada), nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor akaun bank/nama bank dan sertakan sekeping gambar ukuran passport.
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad.
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Jun 2019.
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad** (Unit Komunikasi Korporat)Emel: **watie@mpob.gov.my**



Menteri Industri Utama, Teresa Kok melepaskan peserta FunRide sempena pelancaran kempen Sayangi Sawitku di Kota London. Gambar ihsan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London.



Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin menyerahkan replika cek bagi Skim Pinjaman Mudah Tanpa Faedah kepada Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) Daerah Maran Berhad di Muadzam Shah, Pahang.



Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh menyampaikan sumbangan kepada anak yatim MPOB sempena Majlis Berbuka Puasa di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



Delegasi Japan Oils and Fats Importers and Exporters Association (JOFIEA), ketika kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi.



Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Dr Tan Yew Chong (depan, lima dari kiri) bersama pekebun kecil yang hadir ke Taklimat MSPO di Bukit Pelanduk, Port Dickson.